



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 59

10hb November 2016

No. 23

No. 719.

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948

(Act 92)

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS KEDUA DI BAWAH SEKSYEN 79

APPOINTMENT OF SECOND CLASS MAGISTRATE UNDER SECTION 79

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 79 Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92), Pihak Berkuasa Negeri Kedah Darul Aman dengan ini melantik pegawai yang dinamakan dalam Ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam Ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam Ruang (3).

In exercise of the powers conferred by section 79 of the Subordinate Courts Act 1948 (Act 92), the State Authority of Kedah hereby appoints the officer named in Column (1) of the Schedule of hold the posts as specified in Column (2) with effect from the date sefified in Column (3).

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1640

[10hb Nov. 2016]

JADUAL/SCHEDELE

Bil.	Nama Pegawai/ Jawatan Sekarang	Jawatan Yang Dilantik	Tarikh Lantikan
1.	Mohd. Shafiq Irsyaduddin bin Ismail Penolong Pengarah Gred N41	Majistret Kelas Dua	3-5-2016

Bertarikh 18 Oktober 2016

Dated 18 October 2016

[PSU(K) 1342-1375 Jld. 3; PTG.Ked.J/400-7/2011 Jld. 12(16)]

HAJI IQBAL BIN AHMAD
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kedah/
Secretary State Executive Council
Kedah*

No. 720.

ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008

MUFTI AND FATWA (KEDAH DARUL AMAN) ENACTMENT 2008

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 21 DAN 24

NOTIFICATION OF FATWA UNDER SECTION 21 AND 24

FATWA MENGENAI PEMBID'AHAN KEPADA AMALAN-AMALAN AHLI SUNNAH
WALJAMAAH DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 21(3) dan 24(4) Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008, Jawatankuasa Fatwa dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyatakan fatwa seperti dinyatakan dalam Jadual.

In exercise of powers conferred by subsection 21(3) and 24(4) of Mufti and Fatwa (Kedah Darul Aman) Enactment 2008, the Fatwa Committee of the State of Kedah Darul Aman and on the command of His Royal Highness the Sultan of Kedah Darul Aman hereby publishes the fatwa as set out in the Schedule.

JADUAL/SCHEDELE

BAHAWASANYA berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 20 Mac 2016, maka inilah diputuskan Fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut:

1. Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di Negeri Kedah Darul Aman hendaklah mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah yang diamalkan sejak dahulu hingga sekarang berdasarkan perkara 33A Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah Tahun 1959 seperti berikut:
 - (a) dari segi aqidah, berpandukan kepada manhaj Imam Abu al-Hassan al-Asya'ari dan Abu Mansur al-Maturidi;
 - (b) dari segi syariat, berpandukan kepada mazhab Imam al-Syafie, manakala tiga mazhab muktabar iaitu Hanafi, Maliki dan Hanbali boleh dirujuk dan digunakan dalam menyelesaikan masalah-masalah tertentu; dan
 - (c) dari segi tasawuf, hendaklah berpegang dengan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali, manakala aliran tasawwuf muktabar yang lain boleh diamalkan selagi ia tidak bertentangan dengan aliran Ahli Sunnah Waljamaah.
2. Aliran pemikiran dan fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah perlu dicegah dan dilarang keseluruhannya daripada berkembang di Negeri Kedah Darul Aman kerana ia boleh menimbulkan keceluaran dan menjadi ancaman kepada keutuhan pegangan agama, perpaduan bangsa dan keamanan serta keselamatan negara.
3. Ciri-ciri amalan dan pegangan aliran pemikiran dan fahaman yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah adalah seperti berikut:
 - A. Fahaman dari sudut Aqidah
 1. Al-Quran dan al-Sunnah hanya difahami berdasarkan makna zahir. Sebaliknya kefahaman teks secara kontekstual dan mengharuskan pentakwilan sebahagian nas berdasarkan kaedah-kaedah pentakwilan yang ketat tidak diterima. Oleh itu, ayat-ayat mutasyabihat difahami secara zahir nas tanpa huraiyan terperinci daripada ulama muktabar dan menolak takwil bab mutasyabihat.
 2. Membahagi tauhid kepada tiga bahagian iaitu:
 - (a) tauhid Rububiyyah

Dengan tauhid ini, mereka mendakwa kaum Musyrikin Mekah dan orang-orang kafir juga mempunyai tauhid.
 - (b) tauhid Uluhiyyah

Dengan tauhid ini, mereka menafikan tauhid umat Islam yang bertawassul, beristighathah dan bertabaruk sedangkan ketiga-tiga perkara tersebut diterima oleh Jumhur Ulama Islam khasnya ulama empat mazhab.

(c) tauhid al-Asma' wa al-Sifat

Tauhid versi ini boleh mendorong umat Islam ke lembah tasybih dan tajsim kepada Allah ﷺ seperti:

- (i) menterjemahkan أستوى sebagai bersemayam bersila, يد sebagai tangan, وجه sebagai muka, جنب sebagai lambung/rusuk, نزل sebagai turun dengan dzat, ساق sebagai betis dan أصابع sebagai jari-jari;
 - (ii) menisbahkan حيّ (arah) kepada Allah ﷺ (arah atas – jihah ‘ulya);
 - (iii) menyatakan bahawa Allah ﷺ mempunyai صورة atau rupa; dan
 - (iv) menambah (dengan dzat secara hakikat) di akhir setiap ayat-ayat mutasyabihat.
3. Menolak al-Asya’irah dan al-Maturidiyyah yang merupakan pegangan majoriti ulama Islam dalam perkara aqidah bahkan sering mengkritik al-Asya’irah sehingga tahap mengkafirkan kumpulan tersebut.
 4. Menyamakan al-Asya’irah dengan Mu’tazilah dan Jahmiyyah (الجهمية) atau Mu’athhilah (المعطلة) dalam perkara mutasyabihat.
 5. Menolak dan menganggap pengajian Sifat Dua Puluh sebagai satu konsep yang bersumberkan falsafah Yunani dan Greek.
 6. Berlindung di sebalik mazhab Salaf.
 7. Mendakwa hanya mengikut al-Quran dan al-Hadis tetapi yang dirujuk hanya tokoh ulama seperti Ibnu Taimiyyah, Ibn a-Qayyim, al-Albani, Muhammad bin Abdul Wahhab Abdul Aziz bin Baz, Muhammad bin Soleh al-Uthaimeen dan lain-lain serta menolak para ulama besar rujukan al-Asyairah dan al-Maturidiyyah, ulama muktabar mazhab Syafie dan tiga mazhab muktabar ahli sunnah yang lain.

B. Fahaman dari sudut Syariat

1. Membida’ah pelbagai amalan dan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bersifat khilafiyyah sebagai bid’ah dhalalah antaranya;
 - (a) Amalan melibatkan kematian seperti:
 - (i) hadiah pahala bacaan al-Quran kepada si mati, bacaan al-Quran di atas kubur, talqin, tahlil, kenduri arwah dan lain-lain;

- (ii) ziarah makam Rasulullah ﷺ berdasar fatwa Ibnu Taimiyyah yang bercanggah dengan Jumhur Ulama; dan
 - (iii) mempertikai amalan ziarah kubur para ulama dan solihin;
- (b) Amalan melibatkan solat seperti:
- (i) menyebut lafadz niat secara jahar (terang) contohnya menyebut lafadz (أصلح) ketika mendirikan solat;
 - (ii) bacaan Qunut dalam solat Subuh;
 - (iii) menyapu muka mengiringi salam; dan
 - (iv) zikir dan doa secara berjemaah serta nyaring selepas solat lima waktu;
- (c) Amalan melibatkan hari raya Aidilfitri dan hari raya Aidiladha seperti:
- (i) alunan dan lafadz/sighah takbir hari raya yang biasa diamalkan oleh kebanyakan umat Islam di negara ini tidak mengikut sunnah;
 - (ii) ziarah kubur pada dua hari raya; dan
 - (iii) menghidupkan malam raya;
- (d) Amalan harian, mingguan dan tahunan seperti:
- (i) bacaan Yasin pada malam Jumaat;
 - (ii) membaca al-Quran di air kemudian diminum oleh pesakit;
 - (iii) menyebut “Sayyidina” ketika berselawat;
 - (iv) solat qabliyyah Jumaat;
 - (v) majlis Zikir secara berjemaah; dan
 - (vi) solat Hajat berjemaah;
- (e) Amalan melibatkan bulan Muharam seperti:
- (i) membaca doa Akhir dan Awal Tahun Hijrah; dan
 - (ii) sambutan Awal Muhamarram (Ma’al Hijrah) dan jamuan bubur ‘Asyura.

- (f) Amalan melibatkan bulan Rabiul Awal seperti:
- (i) majlis Perarakan Maulidul Rasul;
 - (ii) majlis Sambutan memperingati Maulidul Rasul;
 - (iii) mempertikai amalan berzanji, burdah dan marhaban; dan
 - (iv) selawat yang tidak “warid” (وارد) dalam majlis maulud;
- (g) Amalan melibatkan bulan Rejab seperti:
- (i) puasa dalam bulan Rejab;
 - (ii) kelebihan bulan Rejab;
 - (iii) doa minta diberkati pada bulan Rejab dan bulan Syaaban serta disampaikan ke bulan Ramadhan tidak warid (وارد) dan haram membaca doa tersebut;
 - (iv) sambutan peristiwa Isra' Mi'raj; dan
 - (v) peristiwa Israk Mikraj berlaku dengan ruh sahaja bukannya dengan jasad dan roh;
- (h) Amalan melibatkan bulan Syaaban seperti:
- (i) bacaan Yaasin tiga kali dan doa beramai-ramai pada malam Nisfu Syaaban;
 - (ii) sambutan Nisfu Sya'ban; dan
 - (iii) qiyamullail pada malam Nisfu Syaaban dan berpuasa sunat di siang harinya; dan
- (i) Amalan melibatkan bulan Ramadhan seperti:
- (i) penetapan waktu imsak ketika bersahur;
 - (ii) solat tarawih 20 rakaat adalah tidak mengikut sunnah;
 - (iii) bacaan selawat dan zikir di antara solat tarawih;
 - (iv) lafadz niat puasa “نويت صوم غد ” ; dan
 - (vii) doa ifthar yang biasa diamalkan tidak mengikut sunnah.

C. Fahaman dari sudut Tasawuf

1. Menganggap amalan dan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah seperti استغاثة، تبرك، توسل sebagai bida'ah.
2. Menolak selawat-selawat yang disusun oleh para ulama besar seperti selawat Syifa', selawat Tafrijiyah dan lain-lain dan mendakwa amalan tersebut adalah syirik.
3. Menolak perkataan "Madad Ya Rasulullah".
4. Menolak ilmu tasawwuf dan tariqat Sufi.
5. Mengingkari zikir dengan menyebut nama Allah (ﷺ) sahaja.
6. Mempertikai konsep "wahdatul wujud" serta memberi tafsiran yang bercanggah dengan Jumhur Ulama.
7. Mempertikai amalan mencium tangan para ulama.
8. Mempertikaikan amalan membaca hizib dan wirid yang disusun oleh para ulama muktabar.

4. Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah

- (a) Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman mengambil keputusan bahawa:
 - (i) mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang mempertikaikan amalan dan aqidah Ahli Sunnah Waljamaah aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah adalah dicegah dan dilarang;
 - (ii) mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang menjadi penyebar aliran dan fahaman yang berlawanan dengan Ahli Sunnah Waljamaah aliran al-'Asya'irah dan al-Maturidiyyah adalah dicegah dan dilarang;
 - (iii) mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang menjadi ahli jamaah atau pengikut aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Mazhab Syafie dan Ahli Sunnah Waljamaah aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian, dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang berlawanan dengan aqidah Ahli Sunnah Waljamaah aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah;

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1646

[10hb Nov. 2016]

-
- (iv) mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang cuba menyebarkan aliran selain daripada Ahli Sunnah Waljamaah sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Waljamaah aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah;
 - (v) apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana aliran dan dakyah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah adalah berlawanan dengan aqidah Ahli Sunnah Waljamaah aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah; atau
 - (vi) apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Waljamaah dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah dicegah dan dilarang.
- (b) Mana-mana orang Islam yang melakukan perkara-perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri Kedah Darul Aman.

Bertarikh

Dated

[PSU(K) 703-1409; JMNK(F) 603 Jld. 2(48)]

DATO' PADUKA SYEIKH MUHAMAD BADERUDIN BIN HAJI AHMAD
Mufti
Kedah

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 721.

LANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 12

APPOINTMENT UNDER SECTION 12

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Kanun Tanah Negara, maka inilah Pihak Berkuasa Negeri bagi Negeri Kedah Darul Aman melantik pegawai dalam Jadual yang tersebut di bawah ini kepada jawatan yang bertentangan dengan namanya bagi maksud Kanun yang tersebut di dalam dan bagi Negeri Kedah Darul Aman dari tarikh yang dinyatakan di sebelahnya:

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

10hb Nov. 2016]

1647

In exercise of the powers conferred by section 12 of the National Land Code, the State Authority of the State of Kedah Darul Aman hereby appoints the Officers in the Schedule hereto the post appearing against his names for the purposes of the said code in and for the State of Kedah Darul Aman with effect from the date shown against the names:

JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Nama Pegawai/ Jawatan Sekarang	Jawatan Yang Dilantik	Tarikh Lantikan
1.	Mohd. Shafiq Irsyaduddin bin Ismail Penolong Pengarah Gred N41	Penolong Pentadbir Tanah	3-5-2016

Bertarikh 18 Oktober 2016

Dated 18 October 2016

[PSU(K) 748-1409/J Jld. 2 SK 57; PTG.Ked. J/400-7/2011 Jld. 12(16)]

HAJI IQBAL BIN AHMAD
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kedah/
Secretary State Executive Council
Kedah*

No. 722.

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 62 SIMPANAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AM

DECLARATION UNDER SECTION 62 RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, maka inilah Pihak Berkuasa Negeri mengisyiharkan bahawa lengkongan yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini dan dipetakan di atas Peta Pejabat Ukur dan Pemetaan No. P.A. 376799 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Negeri Kedah Darul Aman dikehendaki bagi maksud penggunaan am iaitu "Kawasan Lapang" dan diisyiharkan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman sebagai Pengawal.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority hereby declares that the land described in the Schedule hereto and delineated upon Certified Plan No. P.A. 376799 deposited in the Office of the Director of Survey Kedah Darul Aman as reserved for public purpose namely "Kawasan Lapang" and to be controlled by State Secretary Kedah Darul Aman.


JADUAL/SCHEDULE

Bandar—Pekan Teroi. Daerah—Yan. Lot—60179. Keluasan—680 meter persegi.
Pelan Akui No.—376799.

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1648

[10hb Nov. 2016]



Bertarikh 19 Oktober 2016

Dated 19 October 2016

[PSU(K): 246-1427; PTG/Ked./A/39/2006]

HAJI IQBAL BIN AHMAD
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kedah*
*Secretary State Executive Council
Kedah*

No. 723.

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 62
SIMPANAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AM

DECLARATION UNDER SECTION 62
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, maka inilah Pihak Berkuasa Negeri mengisyiharkan bahawa lengkongan yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini dan dipetakan di atas Peta Pejabat Urus No. P.W. 50446 yang disimpan di Pejabat Pengarah Urus, Kedah dikehendaki bagi maksud penggunaan am iaitu “Menempatkan Kenderaan dan Peralatan Bomba” dan dilantik Yang Berhormat Dato’ Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman sebagai Pegawai Pengawal serta Pasukan Bomba Sukarela Kota Sarang Semut sebagai Penyelenggara.

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN


10hb Nov. 2016]

1649

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority hereby declares that the land described in the Schedule hereto and delineated upon Certified Plan No. P.W. 50446 deposited in the Office of the Chief Surveyor, Kedah is reserved for a public purpose namely "Fire Station Site" and to be controlled by the State Secretary of Kedah Darul Aman and to be duty to Pasukan Bomba Sukarela Kota Sarang Semut.

JADUAL/SCHEDULE

Mukim/Mukim—Pekan Kota Sarang Semut. Daerah/District—Kota Setar. Lot/Lot—44. Keluasan/Area—1112 meter persegi/square metres.



Bertarikh 21 September 2016

Dated 21 September 2016

[PSU(K) 542-1433; PTG.Ked: K/319/2011/02]

HAJI IQBAL BIN AHMAD
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kedah/
Secretary State Executive Council
Kedah

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1650

[10hb Nov. 2016]

No. 724.

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 62 SIMPANAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AM


DECLARATION UNDER SECTION 62 RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, maka inilah Pihak Berkuasa Negeri mengisyiharkan bahawa lengkongan yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini dan dipetakan di atas Peta Pejabat Ukur dan Pemetaan No. P.A. 366954 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Negeri Kedah Darul Aman dikehendaki bagi maksud penggunaan am iaitu "Kawasan Lapang" dan diisytiharkan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman sebagai Pengawal.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority hereby declares that the land described in the Schedule hereto and delineated upon Certified Plan No. P.A. 366954 deposited in the Office of the Director of Survey Kedah Darul Aman as reserved for public purpose namely "Kawasan Lapang" and to be controlled by State Secretary Kedah Darul Aman.

JADUAL/SCHEDULE

Bandar—Sik. Daerah—Sik. Lot—70184. Keluasan—346 meter persegi. Pelan Akui No.—366954.



Bertarikh 25 Oktober 2016

Dated 25 October 2016

[PSU(K): 460-1432; PTG/Ked./A/93/2011]

HAJI IQBAL BIN AHMAD
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kedah/
Secretary State Executive Council
Kedah

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

10hb Nov. 2016]

1651

No. 725.

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 62 SIMPANAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AM


DECLARATION UNDER SECTION 62 RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, maka inilah Pihak Berkuasa Negeri mengisyiharkan bahawa lengkongan yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini dan dipetakan di atas Peta Pejabat Ukur dan Pemetaan No. P.A. 360102 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Negeri Kedah Darul Aman dikehendaki bagi maksud penggunaan am iaitu "Kawasan Lapang" dan diisyiharkan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman sebagai Pengawal.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority hereby declares that the land described in the Schedule hereto and delineated upon Certified Plan No. P.A. 360102 deposited in the Office of the Director of Survey Kedah Darul Aman as reserved for public purpose namely "Kawasan Lapang" and to be controlled by State Secretary Kedah Darul Aman.

JADUAL/SCHEDULE

Bandar—Mukim Sik. Daerah—Sik. Lot—70166. Keluasan—207 meter persegi.
Pelan Akui No.—360102.



Bertarikh 25 Oktober 2016

Dated 25 October 2016

[PSU(K): 461-1432; PTG/Ked./A/92/2011]

HAJI IQBAL BIN AHMAD
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kedah/*
Secretary State Executive Council
Kedah

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1652

[10hb Nov. 2016]

No. 726.

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 62
SIMPANAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AM


**DECLARATION UNDER SECTION 62
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Kanun Tanah Negara, maka inilah Pihak Berkuasa Negeri mengisyiharkan bahawa lengkongan yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini dan dipetakan di atas Peta Pejabat Ukur dan Pemetaan No. P.A. 360103 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Negeri Kedah Darul Aman dikehendaki bagi maksud penggunaan am iaitu "Kolam Takungan Air" dan diisyiharkan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman sebagai Pengawal.

In exercise of the powers conferred by section 62 of the National Land Code, the State Authority hereby declares that the land described in the Schedule hereto and delineated upon Certified Plan No. P.A. 360103 deposited in the Office of the Director of Survey Kedah Darul Aman as reserved for public purpose namely "Kolam Takungan Air" and to be controlled by State Secretary Kedah Darul Aman.

JADUAL/SCHEDULE

Bandar—Mukim Sik. Daerah—Sik. Lot—70167. Keluasan—235 meter persegi.
Pelan Akui No.—360103.



Bertarikh 25 Oktober 2016

Dated 25 October 2016

[PSU(K): 461-1432; PTG/Ked./A/92/2011]

HAJI IQBAL BIN AHMAD
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kedah/
Secretary State Executive Council
Kedah

No. 727.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Haji Ibrahim bin Haji Ismail yang beralamat di PT 0000 Mukim Lengkuas, Bukit Lengkuas, Alor Setar, Kedah tuan punya tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1 Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini/ di Pejabat Tanah Kota Setar, Kompleks Pentadbiran Daerah dan Tanah Kota Setar, Persiaran Taman Jubli Emas, Jalan Suka Menanti, 05150 Alor Setar, Kedah segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

To Haji Ibrahim bin Haji Ismail of PT 0000 Mukim Lengkuas, Bukit Lengkuas, Alor Setar, Kedah proprietor of the lands described in the 1st and 2nd columns of the Schedule below.

Whereas the rent reserved on the said lands and due in respect of the current year is unpaid and, with effect from the 1 June in arrear.

You are hereby required, within three months of the date of the service of this notice, to pay *the Land Office of this district/at Pejabat Tanah Kota Setar, Kompleks Pentadbiran Daerah dan Tanah Kota Setar, Persiaran Taman Jubli Emas, Jalan Suka Menanti, 05150 Alor Setar, Kedah all the sums now due as entered in the 3rd – 6th Columns of the Schedule and totalled in the final column thereof.

And take notice that, if *the total/any of the totals specified in the final column is not paid in full within the said period of three months, then I the undersigned, by virtue of the powers conferred by section 100 of the National Land Code, shall by order declare *the land in question forfeit to the State Authority.

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1654

[10hb Nov. 2016]

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG/SCHEDULE OF LAND AND ARREARS

Jenis dan No. Hakmilik/*Description and No. of Title*—H.S.M. 10. No. Lot/*Lot No.*—P.T. 0000 Kampung. Hasil Tahun Ini/*Current Year Rent*—RM42.30. Hutang Dari Tahun-tahun Yang Lepas/*Arrears From Previous Years*—RM1,484.50. Bayaran Dan Lain-lain Yang Dikenakan Sebagai Hasil/*Fees etc., Chargeable as Rent*—RM2,716.50. Bayaran-bayaran Terhutang/*Arreas Fees*—RM5.00. Jumlah Kena Dibayar/*Total Due*—RM4,248.30.

Bertarikh 11 September 2016

Dated 11 September 2016

[PSU(K) 946-1379 Jld. 188; PTKS/E/5/2007 Jld. 1 SK. 050(10)]

HAJI ROHAIZAD BIN RASHID

Ketua Penolong Pegawai Daerah Kanan

(Pengurusan Tanah)

Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar

Kedah

No. 728.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Chan Sow yang beralamat di Lot 449 Seberang Kota Kuala Kedah, Kedah tuan punya tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1 Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini/ di Pejabat Tanah Kota Setar, Kompleks Pentadbiran Daerah dan Tanah Kota Setar, Persiaran Taman Jubli Emas, Jalan Suka Menanti, 05150 Alor Setar, Kedah segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

10hb Nov. 2016]

1655

To Chan Sow of Lot 449 Seberang Kota Kuala Kedah, Kedah proprietor of the lands described in the 1st and 2nd columns of the Schedule below.

Whereas the rent reserved on the said lands and due in respect of the current year is unpaid and, with effect from the 1 June in arrear.

You are hereby required, within three months of the date of the service of this notice, to pay *the Land Office of this district/at Pejabat Tanah Kota Setar, Kompleks Pentadbiran Daerah dan Tanah Kota Setar, Persiaran Taman Jubli Emas, Jalan Suka Menanti, 05150 Alor Setar, Kedah all the sums now due as entered in the 3rd – 6th Columns of the Schedule and totalled in the final column thereof.

And take notice that, if *the total/any of the totals specified in the final column is not paid in full within the said period of three months, then I the undersigned, by virtue of the powers conferred by section 100 of the National Land Code, shall by order declare *the land in question forfeit to the State Authority.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG/SCHEDULE OF LAND AND ARREARS

Jenis dan No. Hakmilik/*Description and No. of Title*—G.M. 1197. No. Lot/Lot No.—449, Banglow. Hasil Tahun Ini/*Current Year Rent*—RM122.80. Hutang Dari Tahun-tahun Yang Lepas/*Arrears From Previous Years*—RM1,692.60. Bayaran Dan Lain-lain Yang Dikenakan Sebagai Hasil/*Fees etc., Chargeable as Rent*—RM1,397.10. Bayaran-bayaran Terhutang/*Arreas Fees*—RM5.00. Jumlah Kena Dibayar/*Total Due*—RM3,217.50.

Bertarikh 11 September 2016

Dated 11 September 2016

[PSU(K) 946-1379 Jld. 188; PTKS/E/9/2013 SK 563(9)]

HAJI ROHAIZAD BIN RASHID
Ketua Penolong Pegawai Daerah Kanan
(Pengurusan Tanah)
Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar
Kedah

No. 729.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Ng Ean Hong (No. K/P 2237300) yang beralamat di 2161 Taman PKNK, Jalan Tun Abd Razak, 05200 Alor Setar, Kedah tuan punya tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1656

[10hb Nov. 2016]

Bahwasanya hasil yang dikenakan bagi tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1 Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini/ di Pejabat Tanah Kota Setar, Kompleks Pentadbiran Daerah dan Tanah Kota Setar, Persiaran Taman Jubli Emas, Jalan Suka Menanti, 05150 Alor Setar, Kedah segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

To Ng Ean Hong (No. K/P 2237300) of 2161 Taman PKNK, Jalan Tun Abd Razak, 05200 Alor Setar, Kedah proprietor of the lands described in the 1st and 2nd columns of the Schedule below.

Whereas the rent reserved on the said lands and due in respect of the current year is unpaid and, with effect from the 1 June in arrear.

You are hereby required, within three months of the date of the service of this notice, to pay *the Land Office of this district/at Pejabat Tanah Kota Setar, Kompleks Pentadbiran Daerah dan Tanah Kota Setar, Persiaran Taman Jubli Emas, Jalan Suka Menanti, 05150 Alor Setar, Kedah all the sums now due as entered in the 3rd – 6th Columns of the Schedule and totalled in the final column thereof.

And take notice that, if *the total/any of the totals specified in the final column is not paid in full within the said period of three months, then I the undersigned, by virtue of the powers conferred by section 100 of the National Land Code, shall by order declare *the land in question forfeit to the State Authority.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG/SCHEDULE OF LAND AND ARREARS

Jenis dan No. Hakmilik/*Description and No. of Title*—H.S.M. 513. No. P.T./*P.T. No.*—1413, Teres. Hasil Tahun Ini/*Current Year Rent*—RM61.80. Hutang Dari Tahun-tahun Yang Lepas/*Arrears From Previous Years*—RM1,126.40. Bayaran Dan Lain-lain Yang Dikenakan Sebagai Hasil/*Fees etc., Chargeable as Rent*—RM1,151.50. Bayaran-bayaran Terhutang/*Arreas Fees*—RM5.00. Jumlah Kena Dibayar/*Total Due*—RM2,344.70.

TAMBAHAN/SUPPLEMENT

Kepada Ng Ean Hong (No. K/P 2237300), yang beralamat di 2161 Taman PKNK, Jalan Tun Abd Razak, 05200 Alor Setar, Kedah. Pemegang gadai/pemegang pajak/pemegang pajak kecil/Penyewa/pemegang *lien*/pengkaveat/Pemegang isemen.

Sekiranya tuan/puan ada sebab mempercayai bahawa tuan punya bagi tanah yang dijadualkan di atas itu dan yang atasnya tuan/puan ada hak mempunyai atau menuntut sesuatu kepentingan akan mungkir daripada membayar wang-wang yang sekarang ini ditetapkan sebagai kena dibayar berkenaan dengannya maka tuan/puan boleh mengelakkan tanah itu daripada dirampas dengan membayar sepenuhnya kepada Pentadbir Tanah, dalam tempoh yang dinyatakan itu, jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan tanah itu.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa (dengan tidak melemahkan apa-apa hak di bawah seksyen itu untuk mendakwa tuan punya itu secara terus) menurut kuasa peruntukan-peruntukan seksyen 98, Kanun Tanah Negara, hak-hak istimewa bagi mendapat balik bayaran-bayaran adalah seperti berikut—

- (a) apa-apa wang yang dibayar oleh pemegang gadai hendaklah ditambahkan kepada bayaran yang pertama yang kena dibayar kemudian daripadanya atas gadaian itu;
- (b) apa-apa wang yang dibayar oleh pemajak, pemajak kecil atau pun penyewa boleh didapatkan balik dengan memotong jumlah wang itu daripada apa-apa sewa yang ia kena membayar pada masa itu atau kemudian daripada itu kepada tuan punya tanah itu atau kepada seseorang yang daripadanya tanah itu dipegang;
- (c) seseorang pemajak, pemajak kecil atau penyewa yang menanggung apa-apa tanggungan tambahan atau apa-apa potongan menurut seksyen itu boleh mendapat balik jumlah wang yang ditanggung atau dipotong itu dengan membuat potongan sejumlah itu juga daripada jumlah bayaran sewa yang kena dibayar olehnya.

To Ng Ean Hong (No. K/P 2237300), of 2161 Taman PKNK, Jalan Tun Abd Razak, 05200 Alor Setar, Kedah. Chargee/Lessee/Sub-lessee/Tenant/Lien-holder/Caveator/Easement holder.

Should you have reason to believe that the proprietor of that land schedule above in which you possess or claim an interest will make default in payment of the sums now declared due thereon, you may avoid the forfeiture of such land by paying in full to the Land Administrator, within the time specified, the total specified in respect of that land.

And take notice that (without prejudice to any right under that section to sue the proprietor direct) the following special rights of recovery exist by virtue of the provisions of sections 98 of the National Land Code—

- (a) any sum paid by a chargee shall be added to the first payment thereafter due under the charge;

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1658

[10hb Nov. 2016]

- (b) any sum paid by a lessee, sub-lessee or tenant may be recovered by deducting the amount of such sum from any rent then or thereafter due from him to the proprietor or other person under whom the land is held;
- (c) any lessee, sub-lessee or tenant who incurs any additional liability or suffers any deduction under the section may recover the amount of such liability or deduction by making a corresponding deduction from the amount of the rent payable by him.

TAMBAHAN/SUPPLEMENT

Kepada Setiausaha Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia, yang beralamat di 9 Kompleks Kementerian Kewangan Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592 Putrajaya. Pemegang gadai/pemegang pajak/pemegang pajak kecil/Penyewa/pemegang *lien*/pengkaveat/Pemegang isemen.

Sekiranya tuan/puan ada sebab mempercayai bahawa tuan punya bagi tanah yang dijadualkan di atas itu dan yang atasnya tuan/puan ada hak mempunyai atau menuntut sesuatu kepentingan akan mungkir daripada membayar wang-wang yang sekarang ini ditetapkan sebagai kena dibayar berkenaan dengannya maka tuan/puan boleh mengelakkan tanah itu daripada dirampas dengan membayar sepenuhnya kepada Pentadbir Tanah, dalam tempoh yang dinyatakan itu, jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan tanah itu.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa (dengan tidak melemahkan apa-apa hak di bawah seksyen itu untuk mendakwa tuan punya itu secara terus) menurut kuasa peruntukan-peruntukan seksyen 98, Kanun Tanah Negara, hak-hak istimewa bagi mendapat balik bayaran-bayaran adalah seperti berikut—

- (a) apa-apa wang yang dibayar oleh pemegang gadai hendaklah ditambahkan kepada bayaran yang pertama yang kena dibayar kemudian daripadanya atas gadaian itu;
- (b) apa-apa wang yang dibayar oleh pemajak, pemajak kecil atau pun penyewa boleh didapatkan balik dengan memotong jumlah wang itu daripada apa-apa sewa yang ia kena membayar pada masa itu atau kemudian daripada itu kepada tuan punya tanah itu atau kepada sesiapa yang daripadanya tanah itu dipegang;
- (c) seseorang pemajak, pemajak kecil atau penyewa yang menanggung apa-apa tanggungan tambahan atau apa-apa potongan menurut seksyen itu boleh mendapat balik jumlah wang yang ditanggung atau dipotong itu dengan membuat potongan sejumlah itu juga daripada jumlah bayaran sewa yang kena dibayar olehnya.

To Setiausaha Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia, of 9 Kompleks Kementerian Kewangan Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592 Putrajaya. Chargee/Lessee/Sub-lessee/Tenant/Lien-holder/Caveator/Easement holder.

Should you have reason to believe that the proprietor of that land schedule above in which you possess or claim an interest will make default in payment of the sums now declared due thereon, you may avoid the forfeiture of such land by paying in full to the Land Administrator, within the time specified, the total specified in respect of that land.

And take notice that (without prejudice to any right under that section to sue the proprietor direct) the following special rights of recovery exist by virtue of the provisions of sections 98 of the National Land Code—

- (a) any sum paid by a chargee shall be added to the first payment thereafter due under the charge;
- (b) any sum paid by a lessee, sub-lessee or tenant may be recovered by deducting the amount of such sum from any rent then or thereafter due from him to the proprietor or other person under whom the land is held;
- (c) any lessee, sub-lessee or tenant who incurs any additional liability or suffers any deduction under the section may recover the amount of such liability or deduction by making a corresponding deduction from the amount of the rent payable by him.

Bertarikh 14 September 2016

Dated 14 September 2016

[PSU(K) 946-1379 Jld. 188; PTKS/E/9/2013 SK 430(10)]

HAJI ROHAIZAD BIN RASHID
Ketua Penolong Pegawai Daerah Kanan
(Pengurusan Tanah)
Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar
Kedah

No. 730.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

(Section 130)

NOTICE OF REVERSION TO THE STATE

Bahwasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen *100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyiharkan dilucutkhan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucutkhan itu telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1660

[10hb Nov. 2016]

-
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

Whereas, pursuant to the provisions of section *100/129 of the National Land Code, the land scheduled below has by order been declared forfeit to the State Authority.

Notice is hereby given that such forfeiture has this day taken effect and that, in consequence of its vesting in the State Authority—

- (a) any title or interest in the land heretofore subsisting or capable of arising is extinguished; and
- (b) the issue document of title to the land is void and is impoundable by the State.

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS/SCHEDULE OF FORFEITED LAND

Bandar/Town—Bandar Baharu, Bandar Baharu. No. Lot/Lot No.—2031, Seksyen 10. Jenis dan No. Hakmilik/Description and No. of Title—Geran Mukim 00000294. Luas/Area—40443 meter persegi/square metre.

Bertarikh 8 September 2016

Dated 8 September 2016

[PSU(K) 946-1379 Jld. 188; PTBB/E/6A/1/2016(8)]

ZAINIZAM BIN ZAINUN
Pentadbir Tanah Daerah
Pejabat Tanah Bandar Baharu
Kedah

No. 731.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

(Section 130)

NOTICE OF REVERSION TO THE STATE

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen *100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyitharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perlucuthakan itu telah berkuat kuasa pada hari ini dan bahawa, oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan; dan

WARTA KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

10hb Nov. 2016]

1661

-
- (b) dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

Whereas, pursuant to the provisions of section *100/129 of the National Land Code, the land scheduled below has by order been declared forfeit to the State Authority.

Notice is hereby given that such forfeiture has this day taken effect and that, in consequence of its vesting in the State Authority—

- (a) any title or interest in the land heretofore subsisting or capable of arising is extinguished; and
- (b) the issue document of title to the land is void and is impoundable by the State.

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS/SCHEDULE OF FORFEITED LAND

Bandar/Town—Bandar Baharu, Bandar Baharu. No. Lot/Lot No.—2023, Seksyen 10. Jenis dan No. Hakmilik/Description and No. of Title—Geran Mukim 00000285. Luas/Area—38293 meter persegi/square metre.

Bertarikh 8 September 2016

Dated 8 September 2016

[PSU(K) 946-1379 Jld. 188; PTBB/E/6A/1/2016(9)]

ZAINIZAM BIN ZAINUN
Pentadbir Tanah Daerah
Pejabat Tanah Bandar Baharu
Kedah

No. 732.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

(Section 130)

NOTICE OF REVERSION TO THE STATE

Bahawasanya, menurut peruntukan-peruntukan seksyen *100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyitharkan dilucuthak kepada Pihak Berkuasa Negeri.

